

FSTEP anjuran Bank Negara tangani masalah tenaga kerja

PROGRAM Peningkatan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (FSTEP) anjuran Bank Negara berjaya mencapai matlamatnya menangani masalah kekurangan tenaga kerja mahir di sektor industri kewangan di negara ini.

Rata-rata pelajar FSTEP yang ditemui menunjukkan minat mendalam mengenai modul dibincangkan termasuk proses pengajaran dan pembelajaran disampaikan tenaga pengajar.

Peserta Iran, Hasan Abdul Rahman, berkata beliau menyertai FSTEP kerana mahu membuka jenama bank sendiri pada masa depan.

Lulusan Kejuruteraan

Pembuatan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia itu mengambil subjek elektif berkaitan perbankan.

Sementara itu, Wong Chin Cheong, bekas pelajar Sheffield Hallam University, United Kingdom memohon FSTEP melalui laman web Bank Negara selepas dinasihati pensyarahnya di Universiti Tunku Abdul Rahman.

"Belajar di sini satu permulaan baik untuk menguasai ilmu perbankan dan insurans kerana ia menggunakan pendekatan lebih praktikal termasuk kajian kes sebenar berbanding hanya mengingat nota.

"Kami mengikuti kursus

perbankan konvensional, perbankan pelaburan, perbankan Islam, insurans & Takaful serta pengukuhan bahasa Inggeris," katanya.

Bagi Nabila Hana Ab Hamid, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi di Universiti Malaysia Sabah, berkata beliau serta rakannya beruntung kerana tenaga pengajar FSTEP berpengalaman, malah penyampaian mereka menarik serta interaktif.

"Suasana pembelajaran pula kondusif, selain mendapat elaun RM2,200 setiap bulan menjadikan ramai lepasan universiti berebut-rebut mengikutinya," katanya.



PELAJAR berbincang mengenai tugas yang diberi pensyarah FSTEP, sekali gus melahirkan graduan berkeampilan yang menjadi pilihan majikan.